



GARIS PANDUAN PERMOHONAN DANA MOBILITI PELAJAR KE LUAR NEGARA

UKM-SPKPPP-PT(P)06-PHA-AK02-GP01

DISEDIAKAN	DISEMAK	DILULUSKAN
Jawatankuasa Sistem Pengurusan Kualiti Pengurusan Pengajian dan Perkhidmatan (SPK PPP)	 SITI SURYANI MAT NASIT Ketua Bahagian/KJK	 PROFESOR MADYA DR. AKMAL SABARUDIN Ketua PTJ
Tarikh: 12/05/2026	Tarikh: 03/06/2026	Tarikh: 10/06/2026

No. Isu	No. Semakan	Tarikh Kuatkuasa
01	03	01/08/2026

 UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA <i>The National University of Malaysia</i>	GARIS PANDUAN PERMOHONAN DANA MOBILITI PELAJAR KE LUAR NEGARA	No. Dokumen	UKM-SPKPPP-PT(P)06-PHA- AK02-GP01
		No. Isu	01
		No. Semakan	03
		Tarikh Kuatkuasa	01/08/2026

ISI KANDUNGAN

1.0	TUJUAN	1
2.0	LATAR BELAKANG.....	1
3.0	SYARAT DAN KELAYAKAN PERMOHONAN DANA MOBILITI PELAJAR	2
4.0	TANGGUNGJAWAB PELAJAR.....	3
5.0	PROSES PERMOHONAN DANA MOBILITI PELAJAR	4
6.0	LAMPIRAN	5
6.1.	REKOD PELAKSANAAN	5
6.2.	REKOD PINDAAN	5

	GARIS PANDUAN PERMOHONAN DANA MOBILITI PELAJAR KE LUAR NEGARA	No. Dokumen	UKM-SPKPPP-PT(P)06-PHA-AK02-GP01
		No. Isu	01
		No. Semakan	03
		Tarikh Kuatkuasa	01/08/2026

1.0 TUJUAN

Garis panduan ini menerangkan tatacara permohonan dana mobiliti pelajar UKM ke luar negara.

2.0 LATAR BELAKANG

2.1. Program mobiliti pelajar ke luar negara adalah untuk menyediakan peluang kepada pelajar UKM untuk melengkapkan pengalaman pendidikan dengan mengikuti program akademik yang ditawarkan di institusi luar negara.

UKM menawarkan program mobiliti pelajar ke luar negara untuk mencapai objektif berikut:

- Memperluas pengalaman pendidikan dan pembelajaran budaya.
- Memberi peluang kepada pelajar untuk meningkatkan kefahaman mereka mengenai isu dan perspektif global berkaitan dengan bidang ilmu yang diceburi.
- Membolehkan pelajar mengamalkan ilmu yang dipelajari serta mengilmukan apa yang diamalkan.
- Melatih pelajar sebagai duta kecil UKM dan Malaysia.
- Melahirkan pelajar UKM yang cemerlang sebagai graduan yang berwibawa, pencetus ilmu, pemangkin kesjarajaan yang dihormati dan relevan kepada negara serta masyarakat global.
- Memperluas aktiviti di bawah perjanjian kerjasama antara UKM dan institusi luar negara.

2.2. Dana mobiliti pelajar merupakan bantuan kewangan kepada pelajar yang mengikuti program mobiliti ke luar negara.

2.3. Permohonan dana mobiliti pelajar ke luar negara diselaraskan oleh Pusat Hubungan Antarabangsa (UKM Global) di bawah Jawatankuasa Dana Mobiliti Pelajar UKM.

	GARIS PANDUAN PERMOHONAN DANA MOBILITI PELAJAR KE LUAR NEGARA	No. Dokumen	UKM-SPKPPP-PT(P)06-PHA-AK02-GP01
		No. Isu	01
		No. Semakan	03
		Tarikh Kuatkuasa	01/08/2026

3.0 SYARAT DAN KELAYAKAN PERMOHONAN DANA MOBILITI PELAJAR

3.1. Pelajar yang ingin memohon dana mobiliti perlu memenuhi kriteria berikut:

- a) Warganegara Malaysia.
- b) Berdaftar sepenuh masa di UKM [dan berstatus aktif](#)
- c) Telah melengkapkan sekurang-kurangnya satu semester pengajian dan mempunyai pencapaian minimum:
 - Prasiswazah: PNGK 3.0
 - Siswazah (Kerja Kursus): PNGK 3.0
 - Siswazah (Penyelidikan): Lulus, Terus Pengajian
- d) Telah mendapatkan kelulusan fakulti/ institut untuk mengikuti program mobiliti.
- e) Pelajar hanya dibenarkan menerima dana mobiliti sekali sahaja sepanjang pengajian di UKM.
- f) [Permohonan perlu dihantar sebelum program bermula dan permohonan yang diterima selepas tarikh program bermula tidak akan dipertimbangkan.](#)

3.2. Kategori Program Mobiliti adalah seperti berikut:

3.2.1. [Program Mobiliti Jangka Panjang;](#)

[Program akademik yang dilaksanakan oleh institusi pengajian tinggi di luar negara yang diiktiraf melibatkan pertukaran kredit dalam tempoh maksimum dua \(2\) semester dan dihadiri secara bersemuka.](#)

3.2.2. [Program Mobiliti Jangka Pendek;](#)

[Program Ilmiah yang dianjurkan oleh institusi pengajian tinggi di luar negara berbentuk Akademik/ Kepimpinan/ Keusahawanan/ Kesukarelawanan/ Kemahiran dalam tempoh minimum lima \(5\) hari tidak termasuk hari perjalanan pergi dan pulang. \(Temuduga akan dijalankan sekiranya perlu\)](#)

	GARIS PANDUAN PERMOHONAN DANA MOBILITI PELAJAR KE LUAR NEGARA	No. Dokumen	UKM-SPKPPP-PT(P)06-PHA-AK02-GP01
		No. Isu	01
		No. Semakan	03
		Tarikh Kuatkuasa	01/08/2026

3.2.3. Program Sangkutan Klinikal;

Program sangkutan yang dijalankan di hospital/ institut perubatan/ klinik pakar/ klinik kesihatan awam di luar negara bagi mendapatkan pengalaman klinikal dalam persekitaran yang berbeza dan peningkatan amalan klinikal dalam tempoh minimum lima (5) hari tidak termasuk hari perjalanan pergi dan pulang.

3.2.4. Program Sangkutan Penyelidikan; dan

Program sangkutan yang dijalankan di institusi pengajian tinggi/ institusi penyelidikan di luar negara bagi mendapatkan pengalaman penyelidikan dalam persekitaran yang berbeza dalam tempoh minimum lima (5) hari tidak termasuk hari perjalanan pergi dan pulang.

3.2.5. Program Latihan Industri

Program latihan yang dijalankan di agensi/ industri/ institusi di luar negara bagi mendapatkan pengalaman kerja dalam persekitaran yang berbeza dalam tempoh minimum lima (5) hari tidak termasuk hari perjalanan pergi dan pulang.

4.0 TANGGUNGJAWAB PELAJAR

4.1. Pelajar yang ingin memohon dana mobiliti bertanggungjawab:

- Menguruskan permohonan untuk mengikuti program mobiliti di institusi luar negara (Keutamaan diberikan kepada institusi yang mempunyai perjanjian kerjasama dengan UKM).
- Melengkapkan borang permohonan dana UKM-SPKPPP-PT(P)06-PHA-AK02-BO01: Borang Permohonan Dana Mobiliti Pelajar Ke Luar Negara.
- Mendapatkan kelulusan ke luar negara melalui sistem i-STAR.
- Menguruskan persiapan logistik sebelum dan semasa mengikuti program.
- Sekiranya berlaku perubahan seperti [penangguhan program](#), [pertukaran lokasi](#) dan [mod program selepas pelajar menerima dana mobiliti](#), pelajar perlu membuat

 UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA <i>The National University of Malaysia</i>	GARIS PANDUAN PERMOHONAN DANA MOBILITI PELAJAR KE LUAR NEGARA	No. Dokumen	UKM-SPKPPP-PT(P)06-PHA-AK02-GP01
		No. Isu	01
		No. Semakan	03
		Tarikh Kuatkuasa	01/08/2026

pemakluman kepada UKM Global melalui surat rasmi yang disahkan oleh Dekan/ Timbalan Dekan (Prasiswazah/ Akademik/ Siswazah) di fakulti atau Pengarah/ Timbalan Pengarah di institut dalam tempoh tiga (3) bulan selepas tarikh kelulusan. Sekiranya melepasi tempoh yang dinyatakan, kelulusan adalah terbatal dan pelajar perlu membuat permohonan baharu.

- f) Sebarang pembatalan program dan penarikan diri daripada penyertaan, pelajar perlu membuat pemakluman kepada UKM Global dan memulangkan dana yang diterima daripada universiti.
- g) Setelah program tamat, pelajar perlu:
 - Mengemukakan laporan program kepada UKM Global dan salinan kepada fakulti/ institut masing-masing dalam tempoh dua (2) minggu.
UKM-SPKPPP-PT(P)06-PHA-AK02-L02: Laporan Program Mobiliti Pelajar Ke Luar Negara.
 - Sekiranya gagal mengemukakan laporan, pelajar akan diberikan notis peringatan

5.0 PROSES PERMOHONAN DANA MOBILITI PELAJAR

- 5.1. Borang permohonan yang lengkap perlu dihantar ke emel rasmi global@ukm.edu.my.
- 5.2. Sebarang keputusan permohonan akan dimaklumkan melalui emel rasmi global@ukm.edu.my. Bagi permohonan yang berjaya, pelajar perlu melengkapkan UKM-SPKPPP-PT(P)06-PHA-AK02-L01: Akuan Penerimaan Tawaran Dana Mobiliti Pelajar.

	GARIS PANDUAN PERMOHONAN DANA MOBILITI PELAJAR KE LUAR NEGARA	No. Dokumen	UKM-SPKPPP-PT(P)06-PHA-AK02-GP01
		No. Isu	01
		No. Semakan	03
		Tarikh Kuatkuasa	01/08/2026

6.0 LAMPIRAN

6.1. REKOD PELAKSANAAN

Bil.	No. Dokumen	Tajuk
1	UKM-SPKPPP-PT(P)06-PHA-AK02-BO01	Borang Permohonan Dana Mobiliti Pelajar Ke Luar Negara
2	UKM-SPKPPP-PT(P)06-PHA-AK02-L01	Akuan Penerimaan Tawaran Dana Mobiliti Pelajar
3	UKM-SPKPPP-PT(P)06-PHA-AK02-L02	Laporan Program Mobiliti Pelajar Ke Luar Negara

6.2. REKOD PINDAAN

REKOD PINDAAN					
No. Bil	No. Isu	No. Semakan	Muka Surat	Ringkasan Pindaan	Tarikh Kuatkuasa
1	01	00	-	Mewujudkan dokumen UKM-SPKPPP-PT(P)06-PHA-AK02-GP01	01.01.2023
2	01	01	Muka hadapan	Pindaan pada Tajuk Dokumen, Nama Ketua Bahagian, Nama Ketua PTj, No. Semakan dan tarikh yang terkini.	11.11.2024
3	01	01	1 - 2	Pengemaskinian maklumat terkini dalam Latar Belakang dan Syarat Permohonan.	11.11.2024
4	01	01	2 - 3	Mewujudkan perkara: 4.0 TANGGUNGJAWABPELAJAR; 5.0 PROSES PERMOHONAN DANA MOBILITI PELAJAR	11.11.2024
5	01	01	3 - 4	Pengemaskinian nombor dokumen semasa.	11.11.2024
6	01	01	4	Mewujudkan 6.2 REKOD PINDAAN	11.11.2024
7	01	02	Muka hadapan	Pengemaskinian Garis Panduan dan Tajuk Dokumen	21.04.2025
8	01	02	1-4	Pengemaskinian isi kandungan dokumen UKM-SPKPPP-PT(P)06-PHA-AK02-GP01	21.04.2025
9	01	03	2-4	Pengemaskinian kandungan syarat dan kelayakan dan tanggungjawab pelajar	01.07.2026